

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PEMBUKAAN RASMI SYARIKAT INDIA-  
MALAYSIA TEXTILES BERHAD DI MAK  
MANDIN, SEBERANG PERAI PADA 2HB  
SEPTEMBER, 1972**

Y. M. Tunku Tan Sri Mohamad, Pengerusi India-Malaysia Textiles Berhad, Y. B. Dr Lim Chong Eu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y. B. Menteri-menteri T. Y. T. Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia<sup>1</sup>, Tetamu-tetamu terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dulu sukalah saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah Syarikat India-Malaysia Textiles kerana sudi menjemput saya kemari untuk merasmikan pembukaan kilang syarikat ini. Saya sungguh gembira kerana dapat menunaikan tugas ini dalam bidang lawatan saya ke Pulau Pinang kali ini, lebih-lebih pula mengingat bahawa syarikat India-Malaysia Textiles merupakan satu usaha joint-venture yang terbesar antara kedua negara—Malaysia dan India.

Dari apa yang saya fahamkan projek ini memang pun telah lama dirancangkan tetapi baru menjadi kenyataan dalam tempoh setahun lepas. Malaysia sungguh merasa untung kerana dapat membawa kemari the famous House of Birla, salah satu kumpulan perindustrian yang lama terkenal, bukan saja di benua kecil India bahkan juga di dunia. Gabungan kerjasama yang terjalin dalam organisasi ini melahirkan perusahaan textiles yang moden dan sophisticated, dengan pengeluaran products yang bermutu tinggi setanding dengan jenis material yang lazimnya diimpot ke negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Pada kesempatan ini, sukalah saya menyatakan penghargaan dan terimakasih kepada Kerajaan Negara sahabat kita, India, yang telah memberikan bantuan dan kerjasama bagi melahirkan syarikat ini. On this pleasant and memorable occasion, I should like to thank the Government of India for their understanding and co-operation which makes this venture a reality. To my mind, this

<sup>1</sup> T. Y. T. Avtar Krishna Dar.

is a clear proof that as Asian nations we are well aware of the problems of one another, and that a less industrially-developed country like Malaysia can depend for technical assistance and industrial expertise from a more industrially advanced nation like India.

Needless to say, the India-Malaysia Textiles Berhad will stand as a landmark of joint-endeavour between two nations which have had long historical links, going back for several hundred years.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dasar negara ini mengenai pengembangan ekonomi dan perlunya melipatgandakan usaha perindustrian telah pun sedia diketahui terutama dalam context Dasar Ekonomi Baru atau New Economic Policy. Saya telah pun menegaskan tidak lama dulu bahawa keteguhan ekonomi dan sosial negara bergantung pada berapa segeranya kita mengubah corak ekonomi tradisional menjadi sebuah masyarakat perindustrian. Our take off point depends on how soon or how successful we can restructure our traditional economic sector which is by and large agrarian and transforming the society into a modern industrial community.

Dalam hubungan inilah terutamanya saya menganggap penting sekali usaha membuka dan memperluaskan lagi bidang perindustrian seperti India-Malaysia Textiles ini. Masalah pokok yang kita hadapi hari ini ialah masalah memberikan pekerjaan kepada golongan beha yang semakin ramai bilangannya setiap tahun. Tetapi oleh kerana keadaan negara ini agak istimewa terutama sekali dalamimbangan penduduknya, maka sangatlah mustahak corak pembahagian pekerjaan mencerminkan keadaan masyarakat berbilang bangsa—the pattern of employment should truly reflect the racial composition of the nation at all levels. It is my earnest hope that this important policy of the Government will be followed and respected by all concerned in the true interest and unity of the country.

Saya percaya setakat yang mengenai syarikat India-Malaysia Textiles ini, langkah-langkah tegas hendaklah diambil untuk membetulkanimbangan pekerja-pekerjanya supaya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Begitu juga saya fikir patutlah ada satu under-study programme supaya jawatan-jawatan

yang penting di peringkat pengurusan atau managerial—professional and non-professional—can be progressively taken over by Malaysians within a reasonable period of time.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Mengambil pandangan yang lebih luas khasnya mengenai kemajuan perindustrian di Pulau Pinang, saya sukacita dan amat berpuas hati dengan perkembangan yang begitu pesat di sini. Berbanding dengan lawatan saya kemari tahun sudah, jauh sekali bezanya dengan keadaan hari ini. This tremendous change is evident not only here in Mak Mandin and Prai, but also on Penang Island itself. Many new and labour intensive industries have now come to the Bayan Lepas Free Trade Zone. All these undoubtedly is due to the imaginative and dynamic leadership of the Chief Minister, Dr Lim Chong Eu.

Tidak syak lagi kemajuan Pulau Pinang sebagai pusat perindustrian menjadi contoh yang baik kepada negeri-negeri lain. Saya sentiasa menggesa supaya negeri-negeri yang belum begitu maju mencontohi Pulau Pinang. Walaupun barangkali kerana ada inherent factors mereka tidak dapat maju ke depan dengan rhythm tempo yang sama, namun saya percaya mereka dapat mempercepatkan sedikit lagi perkembangan industry menuju matlamat yang telah ditentukan itu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Berbalik semula kepada India-Malaysia Textiles ini, saya sukacita mendapat tahu bahawa hasil productnya yang dikenal dengan I M A T E X sudah pun mula diperdagangkan oleh beberapa department stores dan tailoring establishments di Pulau Pinang dan tempat-tempat lain dengan mendapat sambutan yang agak memuaskan. I hope the popularity of I M A T E X products will continue to grow as time goes by and this will open prospects for export as well. In due course, I am sure Malaysian consumers will be proud of their immaculate Imatex suits rather than the imported materials, given good quality and reasonable price.

Saya lihat prospects bagi pengusaha-pengusaha luar negeri menanam modal di negara ini semakin cerah dengan penyusunan semula FIDA yang telah pun menyediakan list of potential industries di samping memberi bantuan nasihat yang diperlukan. Tidak lama lagi, Industrial Training Institute yang dibiayai oleh Kerajaan Federal Republic of Germany di Prai akan mulai

mengambil pelatih-pelatih yang bakal menjadi operator lathe dan mesin, menjalankan jentera dan sebagainya. Pusat-pusat latihan kemahiran lain akan mengeluarkan tenaga terlatih dan tidak perlu ada kebimbangan mengenai pekerja-pekerja mahir. Modal mudah didapati dari punca-punca dalam negeri. Hanya yang dikehendaki ialah technical expertise dan industrial know-how dari negara-negara maju untuk digabungkan dengan faktor-faktor yang sedia ada itu.

Saya harap industrialists dari negara-negara sahabat selain dari India akan sudi datang dengan lebih ramai lagi untuk bersama-sama mengambil bahagian in meaningful collaboration membawa lebih banyak industry ke negara ini supaya membolehkan kita mencapai matlamat masyarakat adil dalam negara yang maju, aman dan bahagia.

Sebelum saya mengakhiri kata, suka saya sekali lagi menyatakan penghargaan dan terimakasih kepada pihak syarikat ini, khasnya kepada para pegawai dan pekerja yang telah mengaturkan acara keramaian yang gilang gemilang dan meriah ini. Peristiwa ini sungguh besar maknanya kepada mereka dan akan menjadi ingatan dan kenangan kepada semua.

Dengan itu, saya dengan beberapa sukacita merasmikan Syarikat India-Malaysia Textiles Berhad ini dan berharap semuga usaha ini akan terus maju dan berjaya.